



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA 3  
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA  
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel: 03-77276166  
www.smkbu3.edu.my



Rujukan Kami: BU3.600-1/1/1(1)  
Tarikh: 01 November 2022

Kepada Semua Ibu Bapa / Penjaga

Tuan,

### **MAKLUMAN PEMATUHAN PEMAKAIAN SERAGAM SEKOLAH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa semua murid perlu patuh kepada peraturan sekolah terutama pemakaian **baju seragam sekolah yang lengkap pada setiap kali peperiksaan / penilaian diadakan. Lencana sekolah dan tanda nama wajib ada pada baju seragam sekolah.**
3. Murid juga perlu memakai **kasut sekolah yang sama warna dengan stoking** sama ada warna putih atau warna hitam.
4. Murid yang **tidak memakai pakaian seragam sekolah yang lengkap semasa peperiksaan / penilaian, mereka tidak dibenarkan menduduki peperiksaan / penilaian.**
5. Selain itu, murid juga perlu berambut pendek, tidak berfesyen dan tidak berwarna bagi murid lelaki. Manakala bagi murid perempuan yang berambut panjang perlu diikat dengan kemas dan tidak berwarna. Murid harus berkuku pendek dan tidak diwarnakan.
6. Pematuhan terhadap peraturan sekolah sangat penting dalam mendidik murid agar sentiasa berdisiplin dan menjaga nama baik sekolah terutama semasa menduduki Peperiksaan Percubaan SPM dan Peperiksaan SPM.

Kerjasama daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AZLIZA BINTI MAT LAZIM)**  
Pengetua Cemerlang  
SMK Bandar Utama Damansara 3